

fokus

Gurau cara Rasulullah

BAGAIMANAPUN, Dr. Irwan Mohd. Sabri tidak menafikan bergurau mempunyai kelebihan tersendiri dan boleh mendatangkan kesan yang positif terhadap seseorang individu sebagaimana yang juga dilakukan oleh Rasulullah SAW.

Diceritakan oleh Abu Hurairah, para sahabat bertanya kepada Rasulullah SAW: "Wahai, Rasulullah! Apakah engkau juga bersenda gurau bersama kami?"

Maka Rasulullah SAW menjawab dengan sabdanya: "Betul, hanya saja aku selalu berkata benar." (riwayat Imam Ahmad)

"Bukan bergurau kosong atau sia-sia, tetapi gurau cara Rasulullah SAW mempunyai sesuatu yang ingin disampaikan," katanya.

Sebagai contoh, Rasulullah SAW pernah bergurau dengan nenek-nenek tua yang datang kepada baginda dan berkata: "Doakan aku kepada Allah agar Allah memasukkan aku ke syurga."

Maka Nabi SAW berkata: "Wahai Ummu Fulan! Sesungguhnya syurga itu tidak dimasuki orang yang sudah tua."

Maka wanita tua itu pun menangis.

Kemudian Rasulullah SAW menjelaskannya, bahawa ketika dia masuk syurga, tidak akan masuk syurga sebagai orang yang sudah tua, tetapi berubah menjadi muda belia dan cantik.

Lalu Nabi SAW membaca firman Allah SWT yang bermaksud: *Sesungguhnya Kami menciptakan mereka (wanita-wanita syurga) itu dengan langsung dan Kami jadikan mereka gadis-gadis perawan, penuh cinta lagi sebaya umurnya.* (al-Waqiah: 35-37)



ISLAM telah menetapkan garis panduan dan batasan dalam bergurau supaya tidak melampaui batasan. - GAMBAR HIASAN

Kafir tanpa sedar

Ungkapan yang dianggap gurauan boleh menjadi penyebab terjejas akidah



DR. IRWAN MOHD SUBRI

Oleh MOHD. SHAH CHE AHMAD agama@utusan.com.my

DIALOG "berhenti menyanyi, nanti hujan", begitu juga seperti "awak dah solat?" dan dijawab "sudah semalam" sering kali menjadi kata-kata lazim yang terkeluar dalam perbualan harian kebanyakan daripada kita sama ada spontan mahupun secara sengaja.

Dianggap sebagai gurauan, pelbagai ungkapan ini yang dirasakan sebagai jenaka

mengundang suasana ceria dan menghiburkan sesama sendiri itu dilakukan bukan sahaja dalam kalangan kanak-kanak, malah dewasa dan telah berumur.

Sehinggakan, tanpa rasa bersalah mengungkapkan kata-kata seumpama yang dilihat seperti mempersendakan hukum dan syariat Allah SWT dan Rasul secara terang-terangan termasuk menerusi penulisan dan klip video di laman sosial dan juga media massa.

Hakikatnya, sedar atau tidak, perbuatan yang dianggap gurauan sama ada dengan niat atau tanpa niat tersebut mampu menjejaskan akidah seseorang

umat Islam, malah cenderung menjadi kafir.

Menjelaskan perkara itu, Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (Infad), **Dr. Irwan Mohd. Subri** berkata, ia bersandarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan jika kamu tanyakan kepada mereka, nescaya mereka akan menjawab, "Sesungguhnya kami hanya bersenda gurau dan bermain-main sahaja." Katakanlah, "Mengapa pada Allah SWT dan rasul-Nya kamu selalu memperolok-olok? Tidak perlu kamu meminta maaf, kerana kamu telah kafir setelah beriman.* (al-Taubah: 65-66)

Gurauan tambahnya, perlu dinilai daripada aspek sensitiviti dan batasannya sebelum diperkatakan walaupun tanpa niat berbuat demikian atau bagi memenuhi permintaan orang lain.

"Islam telah menetapkan garis panduan serta batasan dalam bergurau, lebih-lebih lagi apabila membabitkan hal agama. Gurauan berbentuk memperlekeh atau mempermainkan sesuatu hukum yang telah disyariatkan dalam Islam disifatkan kafir oleh Allah SWT dalam al-Quran.

"Perbuatan itu seakan-akan mempertikaikan ketetapan yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada hambanya.

"Begitu juga mempertikaikan sunah Rasulullah yang dianggap memperkecilkan kesempurnaan Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah SWT.

"Hikmah daripada larangan ini adalah bagi menjaga kesempurnaan Islam daripada dipermainkan dan dipandang rendah oleh pihak lain terutamanya musuh Islam," katanya ketika ditemui di Pejabat Infad, Nilai, baru-baru ini.

Beliau yang juga pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkata, Islam sama sekali tidak menghalang genganutnya bergurau senda selagi tidak melampaui batas dan tidak bertentangan dengan perintah syariat.

"Gurauan tidak salah, malah turut dilakukan oleh Rasulullah SAW dan juga merupakan sifat segelintir sahabat Rasulullah SAW yang suka bergurau pada hayat baginda tetapi tidak ditegur oleh Nabi Muhammad SAW.

"Asalkan gurauan itu adalah dengan tidak dusta, memperlekehkan dan menghina orang lain, menakut-nakutkan,



ANTARA paparan video yang pernah menimbulkan kontroversi kerana mempersendakan hudud dan dikhuatiri menjejaskan akidah.

mengumpat, mengikut kesesuaian dan keterlaluan dalam gurauan juga dikategorikan kepada melanggar adab bergurau.

"Walaupun dalam keadaan reda sekalipun, gurau yang berbentuk menjatuhkan maruah atau menyakiti orang lain ditegah di dalam Islam, malah perlu bertanggungjawab sekiranya menyebabkan perkara buruk berlaku," jelasnya.

MEMBATALKAN AKIDAH

Bukan sahaja menerusi perkataan, Irwan berkata, terdapat tiga perkara yang menjadi penyebab membatalkan akidah seseorang Muslim iaitu melalui perbuatan dan juga niat di dalam hati.

Perkara itu disimpulkan menerusi penulisan ulama terkemuka, Said Hawwa dalam kitabnya berjudul, *Jundullah Tsaqafatan Wa Akhlaqan.*

"Selain menerusi perbualan seharian, bergurau melalui perbuatan dan juga terlintas niat di hati juga boleh menyebabkan membatalkan akidah. Menurut Said Hawwa ia apabila berlaku dalam keadaan sedar atau waras serta dia tahu akibat daripada perbuatan yang dilakukan tersebut.

"Sebagai contoh melalui perbuatan seperti bergurau



Reka bentuk MASTIKA MOHAMED

kononnya ingin memijak al-Quran atau beriktikad hukum Islam adalah jumud dan tidak bersesuaian dengan amalan zaman sekarang, dikhuatiri boleh menggugurkan iman.

"Oleh itu, umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan bertaubat dengan beristighfar pada setiap waktu bagi menyesali dosa yang dilakukan lebih-lebih lagi kesalahan yang tidak kita sedari," katanya.

BERGURAU

mendatangkan kesan yang positif jika dilakukan dengan kaedah yang betul.

KELEBIHAN BERGURAU

- Menghilangkan tekanan.
- Meningkatkan imun positif.
- Menurunkan tekanan darah.
- Petua awet muda.
- Lebih berfikiran positif.

fokus

Contoh gurauan jejakan akidah

- Nabi Yusuf smart, aku smart lebih sikit daripada nabi.
 - Tak payah lah simpan-simpan janggut, tak payah nak bersunah-sunah, berselerak juga muka aku tengok.
 - Zaman Nabi mana ada Gillette, sebab tu la ada jambang.
 - Hudud dah tak sesuai zaman ni bro..
 - Senyum lah sikit, muka masam je dah macam malaikat Mungkar Nankir aku tengok..
 - Sedarlah sikit yang selama ni kerajaan bagi rezeki kat kamu
 - Aku dah isi borang murtad, tapi tak diluluskan mahkamah lah pula..
 - Erm... Kalau murtad mesti boleh buat makiatkan? Macam best je..
 - Aku murtad dah, eh gurau je gurau je..
 - Jika ikut kaedah Islam, maka mundur lah negara kita ni.. (Sumber internet)
- ### Batasan bergurau
- Tidak melibatkan hukum dan syariat agama.
 - Tidak berdusta.
 - Tidak memperlekehkan dan menghina orang lain.
 - Tidak menakut-nakutkan orang lain.
 - Tidak berlebihan-lebihan
 - Mengikut kesesuaian masa, tempat dan keadaan.
 - Tidak mengumpat.
- ### Kelebihan bergurau
- Menghilangkan tekanan.
 - Meningkatkan imun positif.
 - Menurunkan tekanan darah.
 - Petua awet muda.
 - Lebih berfikiran positif.
- ### Keburukan gurau keterlaluan
- Menjejaskan akidah.
 - Memutus hubungan silaturrahim.
 - Mematikan hati.
 - Dipandang rendah dan kurang dipercayai.
 - Menimbulkan permusuhan.

Gurauan pulih masalah

TELAH menjadi fitrah setiap manusia yang suka kepada hiburan dan keceriaan. Justeru, bergurau merupakan salah satu cara bagi memenuhi kehendak naluri tersebut yang membawa kepada ketenangan dan kegembiraan jiwa.

Pensyarah Psikologi di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, **Dr. Mohd. Awang Idris** berkata, bukan sahaja mampu mencerikan, malah gurauan yang bersifat positif mampu memulihkan seseorang individu yang menghadapi pelbagai masalah.

Ini tambahnya, menerusi fungsi gelak ketawa yang mampu mengubat tekanan dan perasaan duka yang menjadi penyebab kepada pelbagai penyakit dan juga kesan buruk terhadap fizikal dan mental.

Bagaimanapun beliau berkata, gurauan perlu dilakukan pada masa, keadaan dan



DR. MOHD. AWANG IDRIS

juga tempat yang bersesuaian bagi mengelakkan daripada mendatangkan kesan buruk.

"Tidak salah untuk bergurau. Malah bergurau pada asasnya merupakan satu amalan yang baik dan juga kaedah yang digunakan secara psikologinya untuk mengubat duka lara, menghilangkan keluh-kesah akibat tekanan dan menyelesaikan masalah yang berlaku.

"Namun, gurau perlu dilakukan dengan betul iaitu pada masa, tempat dan keadaan yang sesuai. Ini kerana bukan semua orang bersifat terbuka yang boleh menerima gurauan walaupun dalam apa juga keadaan.

"Berbeza dengan individu yang lebih bersifat konservatif iaitu tertutup,

mereka akan lebih mentafsir gurauan itu sebagai perkara serius dengan beranggapan gurauan itu adalah untuk mempersenda dan mempermain-mainkan mereka walaupun pada hal yang remeh," katanya.

Malah tambahnya, bergurau yang keterlaluan tanpa mengikut situasi yang bersesuaian boleh mengundang kesan negatif terhadap orang lain sehingga penyebab kematian.

"Seharusnya kita perlu mengetahui latar belakang seseorang individu itu sebelum bergurau. Hal ini tidak mustahil akan mengakibatkan kesan buruk termasuk kematian jika mangsa gurau itu mempunyai rekod kesihatan bermasalah seperti sakit jantung," jelasnya.

Gurauan bukan mempersenda



GURAUAN perlu dilakukan mengikut kesesuaian keadaan, masa dan tempat. - GAMBAR HIASAN

MOHd. Awang berkata, perbuatan mempersenda atau bertujuan mengenaikan orang lain dengan helah tertentu tidak disifatkan sebagai gurauan kerana dilihat keterlaluan dan berbeza dengan konsep bergurau untuk melawak.

"Tidak menjadi asas dalam budaya kita bergurau dengan cara mempermain atau memperbodohkan orang lain. Malah ia bertentangan dengan amalan agama Islam yang menggalakkan kita supaya berbuat baik kepada orang lain, bukan dengan menjatuhkan martabat.

"Sehingga menetapkan hari tertentu untuk bergurau, sedangkan mangsa gurauan itu sendiri tidak suka pun dengan gurauan yang dilakukan itu. Begitu juga di negara mana sekalipun,

perbuatan ini tidak sepatutnya dijadikan amalan dengan alasan bergurau.

"Kita sepatutnya mengandaikan diri sendiri sebagai mangsa gurauan itu. Adakah kita suka diperlakukan sedemikian, jika tidak begitu juga mangsa gurauan tersebut," ujarnya.

Beliau berkata, selain bergurau pelbagai kaedah lain boleh dilakukan bagi memberikan kejutan atau menggembarakan orang lain secara lebih positif.

"Kita juga boleh memberikan hadiah atau melakukan perkara-perkara lain yang lebih disukai orang lain daripada melakukan gurauan yang berkemungkinan mendatangkan kesan negatif kepada dua belah pihak," katanya.